

Mepek inovasi terkini

Muhamaad Razis Ismail
razis@mediaprima.com.my



Rekaan yang dihasilkan oleh Zull Design di Sungah Choh, Rawang. FOTO AZIAH AZMEE
Rawang: Sebut sahaja nama Zulkifli Haron, pasti ramai yang mengenalinya menerusi ribuan inovasi yang berjaya dihasilkan sejak 40 tahun lalu. Bapa kepada tujuh anak ini yang turut menerima jolokan nama Macgyver Malaysia pada era 1980-an mereka cipta inovasi yang melangkaui zaman, antaranya baju terbang, kereta automatik dan sebagainya.

Malah, pada usia 65 tahun, Pengasas dan Pengarah Urusan Zull Design Autotronic yang beroperasi di Rawang, Selangor ini masih lagi bergiat aktif dalam menghasilkan pelbagai rekaan.

Kebolehannya itu bukan sahaja diakui di dalam negara, malah namanya turut diiktiraf di peringkat antarabangsa. Biarpun begitu, dia lebih cenderung menghasilkan inovasi yang dapat dimanfaatkan oleh masyarakat di dalam negara pada harga mampu milik.

Malah, ketika negara dilanda pandemik Covid-19, dia mengambil peluang menghasilkan pelbagai inovasi antaranya Mesin Pelbagai Kuih Mini atau lebih dikenali sebagai mesin Mini Mepek untuk membantu mereka yang terkesan.

Keunikan mesin ini, pengguna dapat menghasilkan pelbagai jenis kuih dalam kuantiti yang banyak dengan lebih pantas tanpa menggunakan tenaga kerja yang ramai.

Lebih menarik ciptaan yang mendapat sambutan menggalakkan ini dijual pada harga sekitar RM2,000 hingga RM3,000 untuk pasaran tempatan bergantung kepada jumlah bateri dan pengecas.

Bagi penulis sekali pandang, mesin Mini Mepek ini tidak ubah seperti sebuah penggerudi namun berjaya diinovasikan untuk menghasilkan pelbagai kuih seperti semperit, dahlia, putu mayam, muruku dan sebagainya.

Mengulas berkenaan rekaan itu, Zulkifli berkata, idea untuk menghasilkan inovasi itu tercetus apabila melihat ramai dalam kalangan peniaga tidak berkemampuan untuk membeli mesin bersaiz besar yang agak mahal.

Katanya, ketidakmampuan mereka ini, mendorong pihaknya untuk menghasilkan rekaan yang dapat membantu untuk meneruskan kelangsungan hidup.

"Dalam keadaan ekonomi yang tidak berapa bagus akibat pandemik, kita rasakan perlu lakukan sesuatu untuk membantu mereka yang terkesan terutama yang kehilangan kerja dan sumber pendapatan untuk kembali bangkit.

"Kemudian kita hasilkan inovasi ini supaya mereka boleh menghasilkan pelbagai jenis kuih raya sebagai sumber pendapatan.," katanya. Jelasnya, mesin Mini Mepek ini berfungsi dengan menggunakan bateri berkuasa 12 voltan dan menggunakan sistem 'gear rack'.

"Pengguna hanya perlu memasukkan sekilogram adunan tepung ke dalam tiub dan menekan suis yang disediakan.

"Dalam tempoh seminit, kuih dapat dihasilkan mengikut pelbagai acuan yang disertakan," katanya.



MESIN pemotong kek batik memberi manfaat kepada pengusaha makanan.

Zulkifli berkata, sehingga kini, pihaknya mendapat maklum balas positif terutama dalam kalangan mereka yang berniaga secara kecil-kecilan. Inilah antara cara kami membantu masyarakat yang ingin berdikari menerusi penghasilan inovasi pada harga mampu milik.

"Alhamdulillah sambutan yang diberikan sangat menggalakkan. Namun kita sukar untuk memenuhi semua permintaan ini kerana tidak dapat hasilkan dengan jumlah yang banyak pada satu-satu masa," katanya.

Selain itu, terdapat banyak lagi inovasi yang dihasilkan antaranya, mesin rempeyek, baulu, dodol, kuih karas, pemotong kek batik, kuih kapit dan sebagainya.

Mengulas lanjut, penghasilan setiap inovasi ini dilihat sebagai kewajipan dan jihad dirinya untuk membangunkan ummah.

"Oleh sebab itu saya secara terus-menerus tanpa ada rasa penat lelah menghasilkan sesuatu yang baru sebagai penyelesaian masalah masyarakat. Apabila kita tanamkan dalam diri untuk berjihad, hati akan menjadi lebih tenang.

"Biarpun bukan tugas mudah, tanggungjawab ini saya perlu terus pikul supaya inovasi ini dapat terus dimanfaatkan oleh orang ramai untuk jangka masa panjang," katanya.

Disiarkan pada: Jun 5, 2022 @ 8:05am